
ULASAN PERUNDANGAN

PEMAKAIAN AKTA PERINTAH KEHADIRAN WAJIB 1954 [AKTA 461] BAGI PESALAH JENAYAH SYARIAH

Suhaizad Saifuddin
suhaizad@ukm.edu.my

Pusat Kajian Undang-undang Malaysia dan Perbandingan, Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

PENDAHULUAN

Hukuman alternatif merujuk bentuk hukuman yang dikenakan terhadap pesalah sebagai pengganti hukuman konvensional, seperti penjara atau denda. Dalam konteks hukuman jenayah syariah di Malaysia, hukuman alternatif ialah hukuman pengganti bagi hukuman, seperti penjara, denda dan sebatan, yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa) Jenayah 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355]. Hukuman ini diwujudkan untuk memberikan peluang kedua kepada pesalah, khususnya dalam kes jenayah syariah, supaya pesalah dapat memperbaiki diri tanpa melalui proses pemenjaraan yang mungkin memberikan kesan negatif. Terdapat beberapa objektif utama dalam pelaksanaan hukuman alternatif di mahkamah syariah. Objektif pertama adalah untuk memberikan ruang kepada pesalah agar bermuhasabah, menyesal atas kesalahan yang dilakukan dan berusaha memperbaiki diri. Hukuman alternatif ini membolehkan pesalah memulihkan diri dari sudut spiritual dan moral, serta menggalakkannya menjadi warganegara yang patuh terhadap undang-undang syarak dan menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Selain itu, hukuman alternatif diwujudkan untuk mengelakkan kesan negatif pemenjaraan. Penjara, sebagai tempat pengurangan untuk pelbagai jenis pesalah, termasuklah untuk orang yang melakukan kesalahan berat, seperti membunuh dan merompak, mungkin tidak sesuai bagi pesalah jenayah syariah yang sering melibatkan kesalahan yang berkaitan dengan agama. Jabatan Penjara Malaysia sendiri mengakui bahawa pemenjaraan seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir

dalam sistem keadilan jenayah syariah. Hal ini dikatakan demikian kerana pesalah syariah seharusnya dipulihkan melalui pendekatan keagamaan, bukannya dengan pemenjaraan yang dapat memberikan kesan buruk. Jika dipenjarakan bersama-sama pesalah jenayah berat, seperti pembunuh atau perogol, pesalah syariah berisiko terdedah pada pengaruh negatif dan mungkin mengalami kemerosotan moral. Lebih-lebih lagi, pesalah syariah yang dipenjarakan juga mungkin kehilangan pekerjaan dan pendapatan untuk sementara waktu, yang dapat memberikan impak besar terhadap kehidupan peribadi dan keluarganya. Oleh itu, hukuman alternatif yang diberikan oleh mahkamah syariah bukan sahaja berfungsi sebagai kaedah pemulihan, tetapi juga melindungi pesalah syariah daripada impak negatif yang mungkin timbul daripada pemenjaraan.

AKTA PERINTAH KEHADIRAN WAJIB 1954 [AKTA 461]

Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) diperkenalkan pada era 1950-an. Pada peringkat awal, hukuman Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dilaksanakan di Penjara Pulau Pinang, Penjara Pudu dan Penjara Taiping. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh masalah pelaksanaan dan pemantauan, hukuman ini tidak dapat diteruskan. Akta 461 pernah disemak pada tahun 1991. Pada ketika itu, pelaksanaan terhad di Semenanjung Malaysia sahaja. Pelaksanaan PKW telah diterima pakai dan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak mulai 16 September 2012 setelah mendapat kelulusan peluasan pemakaian akta tersebut dan diwartakan pada 1 Oktober 2012. Pada tahun 2009, Jabatan Penjara Malaysia mencadangkan semula pelaksanaan Akta 461. Cadangan ini diterima pada tahun 2010 dan pelaksanaannya dimulakan di Mahkamah Seksyen Kuantan, Pahang apabila hukuman PKW dijatuhkan terhadap seorang pesalah jenayah.

Akta 461 memperuntukkan sebanyak sembilan seksyen. Seksyen 2 Akta 461 memberikan beberapa tafsiran utama. Misalnya, seksyen tersebut mentafsirkan “kerja wajib” sebagai apa-apa kerja buruh, tugas, kerja atau kursus pengajaran yang diperintahkan oleh pegawai pusat kehadiran wajib untuk diaku janji oleh pesalah tersebut. Seksyen 3 akta yang sama memperuntukkan hal yang berkaitan dengan penubuhan pusat kehadiran wajib, manakala Seksyen 4 memperuntukkan pelantikan pegawai untuk menjaga pusat kehadiran wajib. Seterusnya, Seksyen 5 Akta 461 menetapkan tempoh yang tidak melebihi 12 bulan dan tempoh

kerja wajib yang tidak melebihi empat jam sehari bagi pesalah yang dikenakan PKW. Tanggungjawab pesalah pula dinyatakan menerusi Seksyen 6 akta yang sama yang memperuntukkan bahawa pesalah perlu melaporkan diri pada hari dan masa yang ditetapkan di pusat kehadiran wajib seperti yang dinyatakan dalam perintah dan syarat PKW. Laporan oleh pegawai pusat kehadiran wajib akan dikeluarkan bagi setiap kerja yang dilakukan oleh pesalah. Seksyen 7 pula menetapkan bahawa jika seorang pesalah mengalami kecederaan akibat kemalangan ketika melaksanakan kerja wajib yang diarahkan melalui PKW, pesalah tersebut berhak mendapatkan rawatan perubatan secara percuma. Hal ini bermakna, semua kos perubatan tidak perlu ditanggung oleh pesalah yang mengalami kemalangan ketika bekerja menurut perintah tersebut. Seksyen berikutnya pula memperuntukkan bahawa sekiranya pesalah gagal mematuhi perintah PKW tanpa alasan yang munasabah, mahkamah hendaklah memanggil pesalah tersebut. Selepas siasatan dilakukan, mahkamah boleh menjatuhkan apa-apa hukuman atau membuat apa-apa perintah, termasuklah PKW atau menjatuhkan hukuman asal atau boleh menegur pesalah tanpa menjatuhkan apa-apa hukuman atau membuat apa-apa perintah lanjutan. Seksyen 9 yang merupakan peruntukan terakhir Akta 461 pula memberikan kuasa kepada menteri untuk membuat kaedah yang berkaitan dengan PKW, seperti penempatan pegawai, pengawasan dan latihan pesalah.

Pada 5 September 2022, Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2022 (Akta 1660) diwartakan yang merupakan pindaan terhadap Akta 461. Pindaan ini bertujuan untuk mengemas kini, memperbaiki atau menambah baik aspek tertentu dalam Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah yang sedia ada. Terdapat beberapa pindaan dilakukan bagi menambah baik Akta 461. Pertama, menukar kata “Ketua Pengarah” kepada kata “Komisioner Jeneral” yang bermaksud komisioner jeneral penjara yang dilantik di bawah subseksyen 10(1) Akta Penjara 1995 [Akta 537] melalui Seksyen 2, Seksyen 3 dan Seksyen 8 Akta 461. Di samping itu, Seksyen 4 Akta 461 dipinda dengan memperkenalkan jawatan pegawai pusat kehadiran wajib untuk mengurus pusat kehadiran wajib yang dilantik oleh pesuruhjaya jeneral. Tafsiran “Pegawai Pusat” tersebut mempunyai makna yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Akta 537. Selepas seksyen tersebut, terdapat seksyen baharu diwujudkan melalui Seksyen 4A berhubung kuasa komisioner jeneral yang dari semasa

ke semasa boleh mengeluarkan apa-apa perintah tetap atau memberikan arahan kepada pegawai pusat kehadiran wajib yang tidak berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Akta 461 atau mana-mana perundangan subsidiari yang ditetapkan di bawah akta ini, dan pegawai pusat kehadiran wajib hendaklah melaksanakan perintah tetap dan arahan tersebut. Selanjutnya, pindaan dilakukan terhadap Seksyen 5 Akta 1660 yang menjelaskan syarat penerimaan PKW. Dalam syarat tersebut, individu yang tempat tinggalnya dalam jarak tertentu dari Pusat Kehadiran Wajib boleh dikenakan PKW jika disabitkan dengan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau terpaksa dipenjarakan kerana gagal membayar denda atau hutang. Seksyen yang sama juga menetapkan bahawa mahkamah boleh membuat perintah PKW yang memerlukan pesalah untuk hadir ke pusat kehadiran wajib pada setiap hari dan menjalankan kerja wajib untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan dan tidak melebihi empat jam pada setiap hari. Mahkamah perlu membuat pertimbangan berdasarkan watak, sifat, keseriusan kesalahan atau kegagalan pesalah untuk membayar denda. Melalui seksyen ini juga, mahkamah boleh mengeluarkan PKW bagi pesalah yang tinggal dalam jarak yang ditetapkan dari pusat kehadiran wajib. Pindaan terhadap seksyen itu juga memberikan mahkamah kuasa untuk mengenakan suatu PKW terhadap mana-mana pesalah yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun. Pindaan tersebut memberikan budi bicara kepada hakim atau majistret untuk menentukan hukuman PKW dengan mengambil kira latar belakang orang kena tuduh (OKT) dan keadaan kesalahan itu dilakukan.

Peruntukan baharu telah diwujudkan melalui Seksyen 5A berkenaan kuasa pesuruhjaya jeneral untuk memberikan arahan memindahkan mana-mana pesalah di bawah PKW supaya hadir pada setiap hari di pusat yang berbeza. Hal ini dapat dilakukan, sama ada atas permohonan pesalah atau jika pesuruhjaya jeneral berpendapat bahawa keperluan itu wujud. Pindaan terakhir ialah kemasukan Seksyen 6A berhubung dengan tempoh pemenjaraan dan penahanan yang disifatkan sebagai tempoh kerja wajib. Melalui seksyen ini, sekiranya pesalah sedang menjalani suatu kerja wajib menurut suatu PKW atau telah diperintahkan menurut suatu PKW, tetapi belum menjalani suatu kerja wajib, kemudian dihukum oleh mana-mana mahkamah dengan suatu tempoh pemenjaraan atau dengan suatu

tempoh penahanan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan tahanan pencegahan, pemenjaraan dan penahanan itu hendaklah diberikan keutamaan berbanding dengan PKW. Subseksyen berikut pula menyatakan bahawa tempoh pemenjaraan dan penahanan yang dijalani oleh pesalah hendaklah disifatkan sebagai tempoh bagi kerja wajib menurut PKW.

OBJEKTIF PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW)

Melalui PKW, pesalah perlu menjalani beberapa obligasi yang ditetapkan. Antaranya termasuklah pelaksanaan kerja khidmat bakti untuk masyarakat dan lain-lain khidmat masyarakat yang bersesuaian dengan elemen pemulihan. Di samping itu, pesalah juga perlu menjalani kursus dan sesi pengajaran dengan mengikuti pelbagai aktiviti pembelajaran dan kemahiran jangka pendek. Ketika pelaksanaan PKW juga, pesalah diberi intervensi dengan cara menjalani modul intervensi melalui Protokol Pemulihan dalam Komuniti yang ditetapkan. Pelaksanaan PKW juga mampu memberikan khidmat sumbang kepada masyarakat, iaitu pemberian perkhidmatan kepada masyarakat mengikut kemahiran dan kepakaran yang dimiliki.

Tidak dapat dinafikan bahawa PKW ini mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan hukuman lain. Perkara inilah yang menjadi justifikasi utama kerajaan untuk mengimplimentasikan PKW dalam sistem perundangan syariah. Pelaksanaan PKW mampu mengurangkan kos kerajaan untuk menanggung kos bagi pesalah kesalahan kecil sekiranya ditempatkan di penjara. Di samping itu, pelaksanaan PKW dapat mengurangkan kesesakan di penjara, seterusnya dapat mencapai matlamat 2/3 pesalah menjalani pemulihan dalam komuniti menjelang tahun 2030. Tambahan pula, keperluan untuk mengekalkan penjarakan sosial semasa pandemik COVID-19 menjadikan PKW sebagai penyelesaian yang terbaik dan paling relevan untuk membendung penularan wabak tersebut. Melalui PKW juga, pekerjaan asal pesalah tidak terjejas. Pesalah kes jenayah ringan masih dapat meneruskan pekerjaan dan menanggung keluarga, terutamanya yang menjadi tulang belakang keluarga, selain dapat mengekalkan keakraban dan keharmonian institusi keluarga. Selain itu, PKW juga dapat memberikan pengajaran dan kesan positif terhadap pesalah dengan cara mengurangkan kecenderungan untuk mengulangi jenayah. Sesi pemulihan atau intervensi yang dilaksanakan sepanjang

hukuman PKW, seperti menghadiri kelas motivasi, mampu memberikan kesedaran kepada pesalah. Pelaksanaan PKW juga menimbulkan rasa tanggungjawab dalam diri pesalah terhadap masyarakat. Dalam masa yang sama, kerajaan juga dapat melaksanakan projek untuk kepentingan masyarakat, seperti pelaksanaan kerja pembersihan tempat tertentu, seperti taman permainan, rumah ibadat dan rumah orang tua, dengan lebih komprehensif.

HUKUMAN ALTERNATIF BAGI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Dengan berdasarkan undang-undang sedia ada, terdapat beberapa bentuk hukuman alternatif yang dilaksanakan di mahkamah syariah. Antara bentuk hukuman tersebut termasuklah perintah untuk Berkelakuan Baik melalui Bon Berkelakuan Baik. Perintah untuk Berkelakuan baik atau Bon Berkelakuan baik di mahkamah syariah diperuntukkan untuk pesalah muda dan pesalah kali pertama. Seksyen 128 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) memperuntukkan agar Bon Berkelakuan Baik dikenakan terhadap pesalah muda, iaitu yang berumur melebihi 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun yang telah disabitkan kesalahan. Mahkamah juga dapat memerintahkan pesalah itu supaya diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh mahkamah apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh mahkamah, bahawa dirinya akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah dalam tempoh yang tidak melebihi 12 bulan atau mahkamah boleh membuat suatu perintah tanpa berkaitan dengan bon penjamin berkenaan dengan pesalah itu dan memerintahnya supaya berkelakuan baik dalam apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun. Di samping itu, ibu bapa yang didapati cuai sehingga menyebabkan anaknya terbabit dengan kesalahan jenayah syariah juga boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit. Dengan berdasarkan peruntukan yang sama, hukuman yang diperuntukkan kepada pesalah muda atas kesalahan yang dilakukan ialah didenda, atau dipenjara. Sebagai alternatif atau ganti terhadap pemenjaraan pesalah muda, pesalah tersebut boleh dilepaskan dengan

teguran; atau dikenakan bon berkelakuan baik dalam tempoh 12 bulan. Tanpa bon, pesalah muda dikehendaki untuk berkelakuan baik dalam tempoh 24 bulan. Sebagai tambahan, ibu bapa boleh didenda RM200 atas alasan melakukan kecuaiannya. Seksyen 129 Akta 560 memperuntukkan bahawa bagi pesalah kali pertama yang disabitkan dengan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman pemenjaraan, terdapat pilihan hukuman alternatif. Jika hukuman didapati bersesuaian dan bermanfaat, pesalah kali pertama boleh dikenakan bon berkelakuan baik sebagai ganti bagi hukuman penjara. Hal ini membolehkan pesalah kali pertama berpeluang untuk membuktikan pembaikan tingkah laku tanpa menjalani hukuman penjara. Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan hukuman termasuklah usia, watak, latar belakang, kesihatan dan keadaan mental.

Selain bon, kaedah pelaksanaan hukuman alternatif di mahkamah syariah juga dapat dilakukan dengan cara memerintahkan pesalah dihantar ke rumah pemulihan. Kuasa untuk menubuhkan rumah pemulihan ini terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Dengan berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Peraturan-peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab (Negeri Selangor) 2013 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013, “Rumah Pemulihan” bermaksud mana-mana premis yang dimiliki atau diuruskan oleh mana-mana orang yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan terhadap riqab. Istilah “Pemulihan” yang dimaksudkan merujuk proses pemulihan melalui latihan dan aktiviti tertentu berdasarkan modul, kaunseling dan khidmat nasihat yang teratur bagi mengubah tingkah laku negatif dan membangunkan peribadi dalam kalangan riqab. Pemulihan yang diberikan merangkumi proses penyembuhan secara klinikal dan kerohanian melalui agensi yang mempunyai bidang kuasa terhadap riqab bagi menyembuhkan “penyakit” yang dihidapi.

Terbaharu, mahkamah syariah boleh menetapkan hukuman melalui PKW berdasarkan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461). Objektif pelaksanaan PKW adalah untuk mengekalkan pesalah dalam masyarakat dan keluarga, untuk mengurangkan atau mengelakkan kesan negatif pemenjaraan dan menyediakan ruang kepada pesalah untuk melakukan kerja wajib bagi manfaat masyarakat sebagai satu daripada proses pemulihan dalam komuniti. Dengan berdasarkan hukuman PKW,

pesalah jenayah syariah akan melaksanakan kerja wajib, termasuklah apa-apa kerja buruh, tugas, kerja atau kursus pengajaran yang diperintah oleh pegawai PKW.

PEMAKAIAN PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW) BAGI PESALAH JENAYAH SYARIAH

Dengan berdasarkan manfaat dan kesan positif pelaksanaan program PKW, Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie Kali ke-74 yang diadakan pada 22 Jun 2020 bersetuju untuk menggunakan Akta 461 di mahkamah syariah di seluruh Malaysia. Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 10 September 2020 yang dihantar kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) turut menyokong pandangan bahawa mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan PKW melalui Akta 461. Hal ini menandakan permulaan penerapan program PKW dalam sistem kehakiman syariah, iaitu mahkamah syariah kini berperanan dalam pelaksanaan PKW.

Susulan itu, JKSM menggubal Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib khusus untuk pesalah syariah. Garis panduan ini dimuktamadkan pada 6 April 2021 melalui Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali ke-76. Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk memastikan keseragaman dalam pelaksanaan PKW di seluruh mahkamah syariah Malaysia. Garis panduan ini juga dirancang untuk menerangkan proses pengendalian PKW secara terperinci yang melibatkan proses kerja, carta alir dan borang yang berkaitan, bermula daripada prosiding menjatuhkan hukuman, peringkat prapelaksanaan sehingga peringkat pascapelaksanaan PKW. Selain itu, dalam pelaksanaan program ini, semua mahkamah syariah perlu merujuk Akta 461 dan Akta A1660 yang menjadi asas perundangan bagi program PKW. Menerusi pindaan pada Akta A1660, secara dasarnya, semua kesalahan jenayah syariah boleh dikenakan hukuman PKW kerana hukuman pemenjaraan maksimum bagi kes jenayah syariah ialah tiga tahun. Dengan adanya garis panduan ini, pelaksanaan PKW di mahkamah syariah dijangka dapat memberikan impak positif untuk membentuk pesalah menjadi individu yang lebih bertanggungjawab tanpa melalui proses pemenjaraan, seiring dengan matlamat pemulihan dalam undang-undang syariah.

Garis Panduan PKW ini menyediakan peruntukan berhubung dengan skop pemakaian, tafsiran, mahkamah berbidang kuasa dan rayuan,

kesalahan yang boleh dikenakan PKW, tanggungjawab umum mahkamah syariah dan agensi, tanggungjawab pendaftar, tanggungjawab pengawal keselamatan mahkamah, pegawai penguatkuasa agama atau polis diraja Malaysia dan tanggungjawab hakim syarie. Di samping itu, terdapat dua lampiran, iaitu Lampiran A yang menyenaraikan kesalahan yang boleh dikenakan PKW dan Lampiran B yang menyenaraikan pusat kehadiran wajib di seluruh Malaysia yang diwartakan. Garis panduan ini juga mengandungi tiga jadual, iaitu jadual pertama yang berkaitan dengan singkatan dan proses kerja, jadual kedua yang menunjukkan carta alir dan jadual ketiga yang menyenaraikan borang yang berkaitan.

Menerusi garis panduan ini, beberapa contoh kesalahan yang boleh dikenakan PKW diberikan yang merujuk beberapa akta berkaitan yang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan, iaitu;

- a. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.
- b. Seksyen 93: Kesalahan memberikan maklumat palsu.
- c. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
- d. Seksyen 11: Mengajar agama tanpa tauliah.
- e. Seksyen 12: Pendapat yang bertentangan dengan fatwa.
- f. Seksyen 13: Penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak.
- g. Seksyen 14: Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.
- h. Seksyen 15: Tidak menghormati Ramadan.
- i. Seksyen 16: Tidak membayar zakat atau fitrah.
- j. Seksyen 17: Menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama.
- k. Seksyen 18: Berjudi.
- l. Seksyen 19: Minuman yang memabukkan.
- m. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- n. Seksyen 37: Gangguan terhadap perkahwinan.
- o. Seksyen 38: Ikrar atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan..
- p. Seksyen 39: Akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan.
- q. Seksyen 40: Kesalahan yang berhubungan dengan akad nikah perkahwinan.

- r. Seksyen 123: Poligami tanpa kebenaran mahkamah.
- s. Seksyen 124: Perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah.

Kesalahan yang disenaraikan ini tidak meliputi semua kesalahan yang boleh dikenakan PKW. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian yang dinyatakan, iaitu semua kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya, iaitu semua kesalahan di bawah Bahagian II, serta Seksyen 7, Seksyen 8, Seksyen 9 dan Seksyen 31 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, termasuklah apa-apa kesalahan yang bercirikan penyubahatan atau percubaan terhadap melakukan kesalahan tersebut dikecualikan daripada dikenakan PKW, sebaliknya disarankan untuk dikenakan hukuman pemulihan di pusat pemulihan.

Garis panduan ini juga menggariskan tatacara pelaksanaan PKW yang perlu dipatuhi. Terdapat tiga pihak yang mempunyai peranan penting dalam pelaksanaan PKW terhadap pesalah syariah, iaitu pendaftar mahkamah syariah, pengawal keselamatan mahkamah (PKM), pegawai penguat kuasa agama (PPA) Atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan hakim syarie. Ketika prosiding prahukuman PKW, hakim syarie perlu mensabitkan kesalahan pesalah terlebih dahulu. Seterusnya, hakim syarie hendaklah mendengar mitigasi peringanan hukuman oleh pesalah, sama ada oleh diri pesalah sendiri atau melalui wakil (peguam), seterusnya mendengar pendakwa syarie menghujahkan justifikasi fakta kes dan hukuman. Berhubung tatacara ketika prosiding menjatuhkan hukuman PKW pula, hakim syarie perlu mematuhi beberapa tatacara, iaitu memastikan kesalahan pesalah termasuk dalam hukuman yang boleh dikenakan PKW dan menjatuhkan hukuman PKW kepada pesalah setelah beberapa perkara yang ditetapkan dilaksanakan dalam prosiding dan dicatatkan dalam catatan perbicaraan atau nota keterangan fail kes sebagaimana yang diterangkan dalam Akta 461. Hakim syarie juga perlu memastikan bahawa perintah yang dikeluarkan mengandungi butiran, iaitu nama Pusat Kehadiran Wajib, tempoh pelaksanaan hukuman yang tidak melebihi 12 bulan dan empat jam sehari, penetapan bon jamin yang tertakluk pada keadaan pesalah dan pernyataan tarikh dan masa untuk pesalah melaporkan diri di tempat menjalani hukuman tersebut dalam Borang Perintah Kehadiran Wajib yang disediakan. Seterusnya, hakim syarie bertanggungjawab untuk memastikan pesalah menyempurnakan Aku Janji pada borang yang ditetapkan.

Selepas pesalah menjalani hukuman PKW, hakim syarie perlu mematuhi tatacara pascaperbicaraan yang diperuntukkan. Hakim syarie perlu meneliti Laporan Pelaksanaan Penilaian PKW (bagi pesalah yang menyempurnakan PKW) atau Laporan Kegagalan Melaksanakan Aktiviti Kerja Wajib PKW mengikut borang yang disediakan oleh pegawai PKW. Selanjutnya, hakim syarie hendaklah melepaskan pesalah jika Laporan Pelaksanaan PKW dikemukakan oleh pegawai PKW tanpa kehadiran pesalah, pendakwa syarie dan pegawai perintah kehadiran wajib. Tindakan berikutnya ialah hakim syarie akan mengeluarkan Perintah Muktamad dan menutup fail pesalah, tertakluk pada proses pascahukuman PKW sebagai tindakan terakhir.

Bagi pemakaian garis panduan tersebut di mahkamah syariah seluruh Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan satu ketetapan melalui Arahan Amalan No. 12 Tahun 2023.

KESIMPULAN

Tidak semua pesalah jenayah syariah wajar dikenakan hukuman yang berbentuk keseksaan, terutamanya bagi kesalahan jenayah kecil. Dalam konteks ini, PKW ialah hukuman alternatif yang paling sesuai untuk pesalah jenayah syariah yang melakukan kesalahan ringan. Hukuman PKW menawarkan pendekatan yang lebih bijaksana dan memfokuskan pemulihan pesalah daripada hukuman berbentuk punitif, seperti pemenjaraan. Pendekatan ini membolehkan pesalah menebus kesalahannya melalui khidmat yang diberikan kepada masyarakat, sambil menjaga maruah diri dan mengelakkan kesan negatif yang mungkin berlaku daripada pemenjaraan. Hukuman ini juga merupakan suatu mekanisme dalam sistem keadilan yang memberikan pelbagai manfaat, bukan sahaja kepada pesalah, tetapi juga kepada masyarakat dan sistem keadilan secara keseluruhannya. Dari sudut pesalah, PKW memberikan peluang untuk pesalah memperbaiki diri tanpa menanggung stigma yang berkaitan dengan hukuman penjara. Dari perspektif masyarakat, pelaksanaan PKW membolehkan pesalah terus menyumbang khidmat kepada komuniti, manakala dari segi sistem keadilan, PKW mengurangkan kesesakan di penjara dan membolehkan mahkamah syariah melaksanakan hukuman yang lebih sesuai dengan prinsip pemulihan dalam Islam. Sewajarnya, hukuman pemenjaraan dikhususkan untuk pesalah tegar dan yang melakukan kesalahan jenayah berat sahaja, seperti kesalahan yang

melibatkan keganasan atau kezaliman. Sebaliknya, PKW harus dijadikan hukuman alternatif utama bagi kesalahan jenayah syariah yang ringan, selaras dengan matlamat pembinaan semula akhlak dan pembetulan tingkah laku. Dengan cara ini, PKW bukan sahaja memastikan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah syariah lebih sesuai dan adil, tetapi juga membantu memastikan pesalah kembali kepada masyarakat sebagai individu yang lebih baik, sekali gus mencapai objektif hukuman syariah yang sebenar.

RUJUKAN

Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461)

Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2022 (Akta 1660)

Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah